

PM: JANGAN MUNDUR KERANA SEMANGAT

MM 20 DEC 1987

KUALA LUMPUR 19
Dis. — Datuk Sri Dr.
Mahathir Mohamad hari
ini menegaskan, beliau ti-
dak mahu rakyat memili-
ki semangat kebangsaan
yang menjadikan bangsa
sendiri mundur dan ke-
tinggalan zaman.

Semangat kebangsaan se-
perti ini, kata Perdana Mente-
ri, bukanlah semangat ke-
bangsaan yang sebenar.

Beliau berkata demikian untuk
menekankan betapa pentingnya
rakyat tidak hanya mengutama-
kan bahasa sendiri sahaja tetapi
turut menguasai berbagai bahasa
lain untuk membolehkan mereka
memimba ilmu di zaman moden

ini.

Perdana Menteri berkata, di zaman
sains dan teknologi ini sesiapa yang
menguasai hanya satu bahasa sahaja
tidak akan mencapai kejayaan.

Sambil meminta rakyat merenung
hakikat ini, Datuk Sri Dr. Mahathir
menegaskan: "Soal yang kita hadapi
ialah apakah kepentingan bangsa kita
lebih terjamin dengan kita meng-
utamakan bahasa kita sehingga peng-
uasaan ilmu terjejas, atau kita meng-
utamakan ilmu walaupun ini bermak-
na kita perlu menguasai bahasa-
bahasa lain juga?"

Tersebar

Datuk Sri Dr. Mahathir menimbul-
kan perkara ini semasa berucap me-
rasmikan perayaan jubli perak Ke-
satuan Kebangsaan Guru Lulusan
Maktab Semenanjung Malaysia di sini
hari ini.

Perdana Menteri berkata, di zaman
moden ini ilmu tersebar dan ditèrokai
dengan luas di seluruh dunia. "Untuk

mendapat ilmu ini pengetahuan bahasa - bahasa dunia adalah penting," ujarnya.

Mengenai guru, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, mereka bertanggungjawab untuk memainkan peranan yang cergas dan gigih dalam membangunkan masyarakat dan negara.

Beliau berkata peranan guru dalam masyarakat yang membangun dan mengalami perubahan yang pesat adalah lebih luas, berat dan mencahar.

Katanya, sebagai pendidik dalam masyarakat moden, para guru perlu melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran secukupnya supaya dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna dan berkesan.

Sama ada disukai atau tidak guru menjadi contoh kepada murid dan oleh itu jelas bahawa personaliti guru mempengaruhi para pelajar yang bakal menjadi anggota masyarakat, katanya.

Perdana Menteri berkata para pelajar bukan sahaja memberi tumpuan kepada pelajaran secara formal yang disampaikan di dalam bilik darjah tetapi juga memerhatikan gerak - geri dan tingkah - laku guru di dalam dan di luar bilik darjah.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa jika baik pendidikannya, maka baiklah masyarakat dan negara

Masyarakat yang bahagia dan berjaya akan wujud hanya jika anggotanya sanggup berkorban dan bertanggungjawab, tambahnya.

LIHAT MUKA 7

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Jangan mundur kerana semangat

Beliau berkata para guru yang terus memberi sumbangan kepada kesejahteraan negara selepas merdeka hati ini masih merupakan pemimpin yang berpengaruh terutama di kalangan penduduk luar bandar.

Katanya, oleh itu di samping menjalankan tugas mendidik, guru juga diharapkan terus memberi khidmat kepimpinan kepada masyarakat.

Beliau berkata pendidikan juga merupakan alat utama ke arah pencapaian perpaduan kebangsaan dan dalam menanamkan semangat cintakan tana-

MM 20 DEC 1987
hau. Sistem pelajaran hari ini juga merupakan tapak semaian yang kuat dalam membentuk sikap yang sihat dan positif di kalangan pelajar.

Katanya persekolahan bersama bagi pelajar pelbagai kaum yang diberi penerangan tentang adat - resam dan pantang larang sesuatu kaum boleh menolong membangunkan satu masyarakat yang lebih bersatu - padu di negara ini.

Para guru perlu memainkan peranan penting dalam menyediakan murid - murid untuk menghadapi kenyataan hidup dalam masyarakat berbilang kaum,

tambahnya.

Beliau berkata terdapat ramai bekas pelajar dari sekolah yang terhid kepada hanya satu kaum yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat majmuk di sekeliling mereka.

Mereka selalu berasa terpisah dan terantaya dalam usaha mencari rezeki apabila dewasa, katanya.

Mengenai dadah, Perdana Menteri berkata semua pihak sama ada sektor awam atau swasta, termasuk para guru, perlu meningkatkan sumbangan dan usaha untuk membanteras penyalahgunaannya termasuk di kalangan pelajar.